



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA MPSP**

## **PERHIMPUNAN KORPORAT MPSP Bil 1 /2018**

**9 Mac 2018 (Jumaat)**

**8.45 PAGI**

**Terima kasih Saudara Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Puan Ir Hjh Rosnani Binti Mahmod**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**YBhg. Datin Hjh. Che Limah Binti Hj. Ujang**  
Pengerusi PUSPANITA MPSP

**En. Mohd. Tahir bin Othman**  
Pengerusi ANULAE Seberang Perai

**En. Mat Nasir bin Hassan**  
Naib Yang Dipertua PESUKA

**En. Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah**  
Yang Dipertua PERMAI

**Pn. Latifah binti Razali**  
Pengerusi KOSPEMA

**Jurubahasa Isyarat**

**Rakan - rakan Media**

**Seluruh Kakitangan MPSP**

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Puan Ir Hjh Rosnani, Setiausaha Perbandaran, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Wakil-Wakil Persatuan, Rakan-Rakan Media dan seluruh kakitangan yang hadir pada pagi ini. Izinkan saya mengambil sedikit waktu bekerja tuan-tuan dan puan-puan untuk mendengar sedikit amanat dan harapan saya pada hari ini.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

### **Perkara 1: Sambutan Hari Wanita**

Di kesempatan ini, saya rasa masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Wanita kepada semua. Penglibatan kaum wanita dalam pasaran kerja masa kini tidak dinafikan sekali. Di MPSP, kita mempunyai 560 kakitangan wanita yang berkhidmat untuk kecemerlangan MPSP. Tema “Press For Progress” adalah tema Hari Wanita kali ini di mana ia adalah salah satu tema untuk memperkasakan

kaum wanita. Kaum wanita dianggap nadi sesebuah organisasi. Untuk menghargai jasa dan sumbangan kaum hawa ini, marikah kita sama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyemarakkan Kempen Penang For Purple sepanjang bulan Mac ini. MPSP menyokong usaha ini dengan mengeluarkan surat kepada semua warga MPSP tidak kira lelaki atau perempuan untuk memakai pakaian berwarna ungu bagi menunjukkan sokongan dan penghormatan kepada seluruh kaum wanita sepanjang bulan Mac.

### **Perkara 2: Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh MPSP**

Untuk makluman semua, MPSP sentiasa prihatin akan kehendak golongan wanita dan ibu-ibu yang bekerja. Antara kemudahan yang telah disediakan adalah kemudahan dua belas (12) Tempat Letak Kereta (TLK) bagi ibu mengandung dan juga tiga puluh (30) TLK bagi ibu yang membawa anak untuk dihantar ke tadika yang terdapat dalam perkarangan bangunan MPSP. Keselamatan dan kemudahan golongan wanita, ibu dan kanak-kanak ini sentiasa dititikberatkan. Dengan adanya kemudahan TLK ini, sedikit sebanyak dapat membantu mereka mengurangkan kepayahan dan kesusahan mereka. Selain itu, bilik laktasi juga disediakan di tingkat Mezzanine oleh MPSP untuk kegunaan orang awam atau warga MPSP di tingkat Mezzanine.

### **Perkara 3: PUSPANITA**

PUSPANITA MPSP ditubuhkan bagi merapatkan hubungan muhibbah yang menyatupadukan isteri-isteri dan warga kerja MPSP di semua peringkat perkhidmatan. Pihak pengurusan sentiasa menyokong sebarang usaha atau program untuk kebaikan bersama. Saya berharap agar PUSPANITA MPSP tidak hanya tertumpu pada sesuatu program sahaja, bahkan memikirkan tentang apa yang boleh disumbangkan oleh persatuan kepada MPSP juga. Pada saya, semua persatuan perlu bergerak seiring dengan MPSP dalam usaha untuk menjadikan Seberang Perai sebuah bandaraya pintar dan rendah karbon menjelang tahun 2022. Dengan adanya PUSPANITA ini, semua wanita di MPSP tidak perlu gusar atau khuatir kerana suara anda pasti didengari. Tangan seorang wanita mempunyai kewibawaan yang luar biasa seperti kata pepatah melayu “Tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia”. Pepatah ini memang menepati maksudnya kerana ibulah yang melahirkan dan membesarkan anak yang menjadi pemimpin terkemuka dunia samada mereka lelaki atau perempuan.

### **Perkara 4: Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)**

MPSP telah mengarus perdanakan GRPB dalam penyediaan bajet. MPSP begitu komited dalam memastikan kesaksamaan gender dapat dilaksanakan dengan sebaiknya bagi pembangunan sesebuah bandar.

*“No One Should Be Left Behind”* merupakan *guidance principle* dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022 dan dalam 17 Sustainable Development Golas (SDGs 17) yang merupakan asas untuk memastikan semua kehendak dan keperluan pelbagai golongan dapat dikenalpasti dan di laksanakan.

MPSP telah menyediakan Borang Soal Selidik Bajet 2019. Borang ini disediakan seiring dengan 10 *Corporate Priorities* yang terdapat dalam Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022. Oleh itu, saya menyeru semua warga Seberang Perai untuk mengisi borang tersebut dengan sebaiknya bagi memudahkan MPSP mengetahui kehendak dan keperluan tuan-tuan dan puan-puan semua. Semua kakitangan MPSP diwajibkan mengisi dan saya mohon agar semua dapat membantu bagi menghebahkan kepada jiran-jiran tetangga untuk mengisi secara online di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my). Borang Soal Selidik ini juga boleh didapati di Jabatan Perbendaharaan, Tingkat 12, Menara MPSP. Kerjasama semua amat diperlukan untuk pembangunan dan kesejahteraan Seberang Perai. Tarikh edaran borang ini adalah bermula pada 1 Februari 2018 dan akan berakhir pada 31 Mac 2018. Oleh itu, jangan lepaskan peluang ini.

## **Perkara 5: Strategi Baru**

Sempena Hari Wanita tahun 2018 ini, MPSP ingin memperkenalkan strategi baru untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan melaksanakan prinsip inclusiveness iaitu “*Caring For The Elderly*”. Saya berpendapat bahawa prinsip ini tidak hanya bergantung kepada tanggungjawab ahli keluarga bahkan ia juga menjadi sebahagian tanggungjawab kerajaan, Pihak berkuasa Tempatan (PBT), NGO, sektor swasta dan semua *stakeholders*.

Antaranya ialah , MPSP akan menganjurkan “*Forest Bathing*” yang akan diadakan pada 24 Mac 2018. Forest Bathing ini sudah terkenal lama di negara Jepun yang disebut juga sebagai “*Shirin-Yoku*”. Ianya telah menjadi asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun yang melibatkan satu aktiviti riadah / rekreatif ringkas sambil menghirup udara segar di kawasan hutan hijau sedia ada. Ini salah satu konsep “*Care For The Elderly*” yang MPSP ingin galakkan dimana tuan-tuan dan puan-puan boleh membawa ibu bapa yang sudah tua untuk menghirup udara segar dan menghayati anugerah yang diciptakan Allah kepada kita. Melihat dan mendengar secara tidak langsung akan mendamaikan hati dan perasaan. Insyaallah yang sakit boleh sembuh atau bertambah baik. Versi inggeris Forest Bathing, versi

Jepun pula “Shirin –Yoku” dan saya ingin cadangkan versi Melayu nya “Terapi Rimba”.

Disamping itu, MPSP juga akan mengadakan program khas “Cycle With Your Love Ones” semasa program car free morning pada Ahad pertama bulan April ini. Dalam program ini, peserta disyorkan untuk membawa ibu atau ayah mereka berbasikal bersama-sama di sekeliling Bandar Sunway dan sekitarnya.

## **Kesimpulan**

### **Ahli-Ahli Majlis, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Saya tidak ingin bercakap panjang. Apa yang saya inginkan dan harapkan agar tuan-tuan dan puan-puan bukan hanya berada di belakang saya, tetapi bergerak bersama-sama senada seirama menuju kecemerlangan Seberang Perai untuk menjadikan bandar ini selesa untuk didiami, bekerja, menjadi tarikan pelaburan, bandaraya pintar dan rendah karbon. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Wanita buat semua dan tahniah kepada pemimpin wanita MPSP iaitu Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Puan Siti Haslinda Binti Hasan (Pengarah Khidmat Pengurusan), Puan Rosnada Binti Abu Hassan

(Pengarah Undang-undang), Puan Norliza Binti Abdullah (Pengarah Perancang Bandar), Cik Noorhanis Binti Noordin (Pengarah Bangunan), Puan Norhayati Sulaiman (Pengarah Kemasyarakatan), Puan Asma Binti Othman (Ketua Unit Audit Dalam), YBhg. Datin Hajah Che Limah Binti Ujang (Pengerusi PUSPANITA MPSP) dan Puan Latifah Binti Razali (Pengerusi KOSPEMA). Dengan ini, saya juga ingin memberikan penghormatan kepada wanita kuat MPSP iaitu Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod bagi memberikan ucapan dan amanat sempena Hari Wanita ini.

**Dengan ini saya akhiri ucapan perhimpunan korporat ini dengan  
Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Sekian, terima kasih.**